

KENYATAAN AKHBAR

KKR Bangunkan MyCREST Bantu Industri Pembinaan Bina Bangunan Mesra Alam

PUTRAJAYA, 25 Februari: Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membangunkan sistem penilaian pengurangan karbon secara mampan (MyCREST) bagi membantu peneraju industri pembinaan membina bangunan yang mesra alam.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia, Dato' Sri Prof. Ir. Dr Judin Abdul Karim berkata, sistem ini bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kesan alam dari segi pelepasan karbon dan implikasi alam sekitar ia juga memberi panduan kepada peneraju pembinaan untuk mereka bentuk, membina dan menjalankan kerja-kerja pembangunan.

“Kesan pemanasan global telah mendorong semua pihak untuk menyediakan pembangunan infrastruktur yang mampan dan mesra alam. Setiap rekabentuknya haruslah mengambil kira bahan binaan yang digunakan, berdaya tahan lama, mesra alam dan mudah disenggara.

“Sebab itulah MyCREST diwujudkan kerana penilaian sistem ini turut mengambil kira kitaran hayat bangunan bermula daripada pra-rekaan sehinggalah kepada pelupusan bangunan,” katanya pada majlis pra-pelancaran sistem MyCREST oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

MyCREST yang diwujudkan menggantikan pH JKR dan GreenPASS adalah satu mekanisme penilaian untuk mengukur dan membantu mengurangkan pelepasan karbon secara mampan.

Sistem ini bakal menjadi panduan kepada peneraju industri pembinaan untuk mereka bentuk, membina dan menjalankan kerja-kerja pembangunan yang diintegrasikan dengan amalan pengurangan karbon secara lestari.

Sebelum bangunan tersebut mendapat sijil penarafan MyCREST terdapat 11 kriteria yang dinilai mengikut tiga fasa pensijilan iaitu fasa rekaan, fasa pembinaan dan fasa operasi dan penyelenggaraan.

Penarafan lima bintang adalah paling tinggi dengan skor peratusan antara 80 ke 100 peratus manakala paling rendah adalah satu bintang dengan skor peratusan antara 40-49 peratus.

Sebagai galakkan kepada industri dan inisiatif mewujudkan pembinaan mampan dan memenuhi keperluan persekitaran serta penggunaan teknologi hijau semua pembinaan bangunan kerajaan akan menggunakan sistem MyCREST.

Dalam pada itu, Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak akan melancarkan secara rasminya sistem MyCREST sempena penganjuran Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2015 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 7-11 September 2015.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867